



جائتق كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 4 (9)

Tarikh : 26 Safar 1434H/
9 Januari 2013M

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2012

Keutamaan Kes-kes Wali Hakim/ Wali Raja

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahlan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2012 pada 14 Muharram 1434H bersamaan 28hb November 2012 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung kes permohonan Wali Hakim/ Wali Raja yang pemohonnya adalah Muallaf hendaklah dibicarakan dan diputuskan pada hari kes itu didaftarkan dengan syarat semua dokumen **dan maklumat yang dikehendaki** adalah lengkap.

Manakala permohonan yang berkaitan dengan kes anak angkat atau wali ghaib atau anak tak sah taraf hendaklah dibicarakan pada hari yang telah ditetapkan, **dengan syarat pemohon dapat mengemukakan dokumen atau maklumat yang dikehendaki termasuklah kesemua saksi-saksi dapat hadir pada hari yang ditetapkan.**

Arahlan Amalan No. 1 Tahun 2004 adalah dibatalkan.

Arahlan Amalan ini berkuat kuasa mulai 14hb Januari 2013.

(TAN SRI IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA